



Rujukan Kami : ANM.PHG.600-15/3/7 Jld.6 (46)
Tarikh : **13** Ogos 2026

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di Bawah Seliaan JANM Negeri Pahang

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN PENUTUPAN AKAUN BULANAN BAGI BULAN OGOS 2026

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan buletin Jabatan ini rujukan ANM.PHG.600-15/2/85JLD.3(95) bertarikh 16 Disember 2025 adalah berkaitan.

2. Adalah dimaklumkan penutupan akaun bulanan bagi bulan Ogos 2026 kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah seliaan Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) Negeri Pahang hendaklah mematuhi perkara-perkara berikut:

2.1 ARAHAN PEMBAYARAN

- (i) Sila pastikan dokumen Arahan Pembayaran dilaksanakan sehingga **Perakuan 2** selewat-lewatnya jam **12.00 Tengah Hari** pada **28 Ogos 2026 (Jumaat)**. Tindakan peraku 2 hanya boleh diteruskan bermula 1 September 2026 (Selasa);
- (ii) PTJ adalah tertakluk kepada peraturan pembayaran bil dalam tempoh 14 hari seperti yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 103(a);
- (iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.1 (i), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke bayaran_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 11 September 2026**.

2.2 TERIMAAN

- (i) Sila pastikan semua kutipan sebelum atau pada **28 Ogos 2026 (Jumaat)** telah dibankkan **selewat-lewatnya jam 3.00 petang** seperti ketetapan AP78 dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia Bilangan 3 Tahun 2025;
- (ii) Manakala bagi kutipan lewat pada 28 Ogos 2026 (Jumaat) yang tidak sempat dibankkan, **WAJIB** disediakan RESIT dan dibuat **SERAHAN WANG selewat-lewatnya pada 31 Ogos 2026 (Isnin)** sebelum jam **11.59 malam**;

(iii) Sekiranya GAGAL mematuhi arahan seperti di para 2.2 (i) dan (ii), sila kemukakan **surat penjelasan ketidakpatuhan** dan salinan diemelkan ke terimaan_phg@anm.gov.my **sebelum atau pada 11 September 2026.**

3. Perhatian dan komitmen pihak YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam mematuhi arahan ini amatlah diharapkan bagi memastikan proses penutupan akaun bulanan berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Inovasi Memperkasa Perakaunan Mampan"

Saya yang menjalankan amanah,



(SITI ZAINAB BINTI ISMAIL C.A.(M), CPA(Aust))

Ketua Penolong Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Negeri Pahang